

BAB 3

LATAR BELAKANG SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN JELUTONG

3.0 Pengenalan

Dalam bab ini pengkaji akan menerangkan lokasi tempat kajian, iaitu Sekolah Menengah Jelutong yang terletak di Pulau Pinang. Bab ini juga akan menerangkan sejarah awal sekolah ini, sistem pentadbiran dan kepimpinan sekolah dan pencapaiannya.

3.1 Lokasi

Sekolah Menengah Jelutong terletak di bahagian Timur Laut Pulau Pinang. Sekolah ini adalah di bawah daerah Jelutong. Kedudukan sekolah ini adalah strategik. Lantaran itu, ia mempunyai sistem perhubungan dan pengangkutan yang baik. Misalnya sekolah ini dikelilingi oleh lorong-lorong dan jalan-jalan yang yang kemas dan rapi. Lebih-lebih lagi jalinan jalan raya dan lorong yang tersusun yang dapat menghubungkan satu kawasan dengan kawasan yang lain telah memudahkan para pelajar dan guru mendapat perkhidmatan teksi dan bas dengan mudah. Keadaan ini boleh lihat dengan lebih jelas dalam Peta 3.0 pada muka surat 51 dan Peta 3.1 pada muka surat 52.

Terdapat juga banyak kemudahan sosial yang terletak berdekatan dengan sekolah ini. Keadaan ini adalah ekoran pembangunan yang pesat disekelilingnya. Antara kemudahan sosial yang berdekatan dengannya ialah seperti hospital, balai polis, pejabat pos, pasar dan

masjid. Jadi pelajar-pelajar dan guru-guru boleh memperoleh kemudahan tersebut dengan mudah. Contohnya jarak di antara sekolah ini dengan Hospital Lam Wah Ee adalah lebih kurang satu kilometer. Manakala jarak diantara sekolah dengan kemudahan lain seperti pejabat pos, balai polis dan pasar lebih kurang setengah kilometer.

Dalam kedudukan yang sedemikian, sekolah ini sememangnya tidak menghadapi sebarang masalah dalam soal bekalan elektrik dan air paip. Hal ini kerana daerah Jelutong yang mengalami pembangunan yang pesat. Justeru itu sekolah ini berpeluang memperoleh bekalan elektrik dan paip air yang mencukupi. Kedudukannya yang strategik juga disebabkan oleh kedudukannya yang berhampiran dengan Bandar Georgetown, iaitu jarak diantaranya lebih kurang tiga kilometer.

3.2 Sejarah Awal Sekolah Menengah Jelutong

Sekolah ini tidak mempunyai pengasas, namun sekolah ini ditubuhkan pada tahun 1962 dengan namanya sebagai Jelutong Secondary School. Pada masa itu terdapat seramai 398 orang pelajar lelaki dan perempuan ditempatkan dalam 11 kelas di satu bangunan dua tingkat. Pengetua pertama sekolah ini ialah mendiang encik Keong Siew Tat. Moto sekolah pada masa itu ialah ‘ Adopt and Adapt’.

Akan tetapi ekoran penambahan bilangan pelajar maka pada tahun 1964 satu lagi blok bangunan dua tingkat dibina untuk menampung bilang pelajar yang kian bertambah. Bilik-bilik seperti bilik Penolong Kanan I, bilik Guru Kanan Vokasional dan Teknologi, bilik Guru, bilik Koperasi, bilik Bantuan Buku Teks, dan bilik Sukan ditempatkan di bangunan ini. Sejak itu sekolah ini mempunyai 18 bilik kelas yang menampung pelajarnya.

Sekolah ini terus berkembang, pada tahun 1966 dua lagi blok bangunan dua tingkat dibina. Bangunan baru ini terdiri daripada dua bilik Sains Rumah Tangga, satu Makmal Sains dan 12 bilik darjah. Bengkel Perusahaan Seni satu tingkat dibina pada tahun 1968. Namun pada tahun 1969 pengetua sekolah yang pertama, iaitu Encik Keong Siew Tat bersara dan digantikan oleh Encik M. Thilagaratnam. Namun Encik M. Thilagaratnam memegang jawatan sebagai pengetua sekolah ini hanya selama dua tahun. Hal ini kerana pada tahun 1971 beliau telah bertukar ke Seremban. Beliau kemudiannya digantikan oleh Encik Yeap Hooi Chong. Pada tahun 1972 Persatuan Ibu bapa dan Guru-Guru ditubuhkan.

Pada tahun 1973 Jelutong Secondaru School telah bertukar nama kepada Sekolah Menengah Jelutong. Pada masa yang sama moto sekolah turut bertukar menjadi ‘Berdikari dan Berbakti’. Satu lagi blok bangunan dibina untuk menempatkan lima makmal sains. Pada tahun itu juga Jelutong Ex-Student Association (JESA) turut ditubuhkan.

Pada tahun 1974 Walkathon Sekolah Menengah Jelutong berjaya mengutip sebanyak RM 13477.80 untuk berbagai projek perkembangan sekolah. Pengetua Encik Yeap Hooi

Chong, PJM bersara pada bulan Mei 1985. Jadi persaraan beliau itu digantikan oleh Encik Loo Yew Khin sebagai Pengetua yang keempat pada bulan Jun. Pada tahun 1986 Sekolah Menengah Jelutong merayai Jubli Perak sekolah. Tiga tahun kemudian itu sekolah ini mengadakan Cleanathon dan berjaya mengutip sebanyak RM 22,693.15 untuk berbagai projek perkembangan sekolah termasuk projek membina tembok dan pintu besar sekolah. Jadi pada tahun 1990 pembukaan rasmi gerbang pintu besar sekolah.

Pada tahun 1991 satu lagi bangunan baru tiga tingkat dibina untuk menempatkan Pejabat Pengetua, Pejabat Guru Kanan Bahasa dan Guru Kanan Kemanusiaan, Pejabat Am, Bilik Gerakan dan sembilan buah bilik darjah. Pada bulan Jun 1992 Pengetua Encik Loo Yew Khin bersara dan digantikn oleh Encik Chiam Aik Seong selaku pengetua yang kelima pada bulan September. Pada tahun 1993 Cleanathon 93 diadakan untuk menambah tabung Persatuan Ibubapa dan Guru-guru.

Encik Chiam Aik Seong, PJK bersara pada bulan Jun. Pemergian beliau yang meninggalkan jawatannya itu diisi oleh Encik Goh Hooi Beng, AMN sebagai pengetua yang keenam pada bulan Disember 1993. Namun pengisian beliau sebagai pengetua sekolah yang keenam itu tidaklah lama iaitu selama empat bulan ekoran beliau telah bertukar ke Kuala Lumpur pada bulan Mac 1994.

Tempat kosong pengetua itu kemudiannya diisi oleh Puan Teh Soon Eem selaku pengetua yang ketujuh.Semasa beliau menjadi pengetua Sekolah Menengah Jelutong

sekolah ini sekali lagi mengalami pertukaran nama baru, iaitu menjadi Sekolah Menengah Kebangsaan Jelutong. Di sini moto Sekolah Menengah Jelutong tidak berubah, iaitu masih berkekalan dengan moto yang lama. Tambahan itu, lencana sekolah, lagu sekolah, misi sekolah dan matlamat sekolah ini boleh dilihat pada Lampiran II.

Pada tahun 2000 sebuah lagi bangunan baru dibina di sekolah ini. Pada kali ini bangunan baru ini dibina untuk tujuan penambahan satu lagi kursus yang penting, iaitu kursus komputer. Pembinaan bangunan ini telah mewujudkan dua makmal komputer yang baru yang sebelum ini tidak pernah wujud dalam sekolah ini. Jawatan pengetua sekolah ini masih kekal pada Puan Teh Soon Eem sehingga kini.

3.3 Pentadbiran dan Kepimpinan

Sekolah ini diketuai oleh Puan Teh Soon Eem selaku pengetua sekolah. Beliau dibantu oleh dua orang penolong kanan, iaitu Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM) Encik Ting Siew Ching yang bertanggungjawab dalam hal-ehwal pelajar dan kurikulum sekolah. Dalam Hal-ehwal pelajar ia dibahagikan kepada lima sub-jabatan yang utama, iaitu jawatankuasa disiplin, jabatan kaunseling, jabatan skim pinjaman buku teks, jabatan biasiswa dan jabatan kesihatan.


Setiap jabatan ini mempunyai guru-guru yang tertentu yang menguruskan kerja-kerja yang terdapat dalam jabatan yang dianggotainya masing-masing. Di bawah kurikulum

pula, ia dibahagikan kepada dua sub kumpulan yang utama, iaitu Persatuan atau Kelab dan Sukan yang juga diuruskan oleh guru-guru yang tertentu.


Manakala Penolong Kanan I, iaitu Encik Chee Kee Wong yang selaku ketua jabatan yang bertanggungjawab ke atas hal-hal mata pelajaran sekolah dan peperiksaan serta pusat sumber. Tambahan itu terdapat dua orang pembantu tadbir, iaitu Puan Norhaida A. Bakar dan Puan Fakriah Hassan yang menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan perjawatan, kewangan dan bangunan. Mereka akan melapor terus kepada Encik Chee Kee Wong.

Tambahan itu, pengetua sekolah juga dibantu oleh seorang penyelia, iaitu Puan Tan Lean Khye yang bertanggungjawab untuk menguruskan hal-ehwal sekolah bagi sesi petang. Di sini beliau akan dibantu oleh penolong penyelia petang, iaitu Encik Dahlán Tabah. Kesemua struktur organisasi Sekolah Menengah Jelutong boleh dilihat pada Gambar rajah 3.0 pada muka surat 50.

GAMBAR RAJAH 3.0 STRUKTUR ORGANISASI SEKOLAH MENEGAH KEBANSAAN JELUTONG



PETA 3.0: LOKASI SEKOLAH



PETA 3.1: PETA PULAU PINANG



3.4 Pencapaian Sekolah Menengah Jelutong

Pencapaian sekolah ini boleh dilihat dari aspek kemudahan, kurikulum sistem keselamatan, dan pencapaian akademik. Dari segi kemudahan, sekolah ini mempunyai 35 buah bilik darjah yang sebelum ini hanya mempunyai 11 buah bilik darjah. Penambahan bilik darjah ini adalah ekoran peningkatan bilangan pelajar yang mendadak. Selain itu terdapat juga enam buah bilik makmal sains yang diwujudkan bagi pengajaran mata pelajaran sains seperti sains panduan, kimia, fizik dan biologi.

Kemudahan-kemudahan lain seperti perpustakaan, kantin, bengkel, surau, bilik pengawas, bilik SRT (bilik surirumahtangga), bilik guru, pejabat am, pejabat pengetua, pejabat penolong kanan pengetua, padang dan gelanggang bola keranjang turut disediakan. Kini segala kemudahan ini telah dikemaskinikan. Misalnya bangunan-bangunan lama yang sedia ada itu telah dicat semula, bilik guru yang diperluaskan dan pintu-pintu lama bilik darjah yang diperbuat daripada kayu telah digantikan kepada pintu baru yang diperbuat daripada besi.

Baru-baru ini sebuah bangunan baru dibina khas untuk dijadikan bilik komputer. Pembinaan bangunan ini adalah bertujuan untuk mewujudkan kursus komputer bagi pelajar sekolah ini. Dalam bangunan ini dua makmal komputer diwujudkan. Terdapat sebanyak 40

buah komputer yang terdapat dalam makmal komputer ini. Hal ini adalah selaras dengan kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia yang menggalakkan para pelajar mempelajari ilmu komputer supaya dapat mempelengkapkan diri dengan ilmu tersebut apabila keluar untuk bekerja. Oleh itu pembinaan bangunan tersebut adalah untuk tujuan pengajaran kursus tersebut.

Bagi aspek sistem keselamatan pula, sekolah in telah mengupah seorang pengawal keselamatan dari sebuah syarikat swasta. Hal ini adalah bertujuan untuk mempertingkatkan keselamatan pelajar sekolah tersebut. Dengan adanya pengawal keselamatan maka orang luar tidak dapat masuk dan keluar dengan sesuka hati. Jadi hanya orang tertentu yang mempunyai urusan dengan pihak sekolah sahaja yang dibenarkan masuk ke sekolah ini. Namun seseorang yang mempunyai urusan penting dengan pihak sekolah itu juga harus mendaftar dengan pengawal keselamatan itu sebelum boleh masuk di perkaraan sekolah. Proses ini amat berkesan dalam menjamin tidak wujudnya pihak-pihak yang tertentu yang cuba menceroboh masuk ke dalam sekolah.

Lebih-lebih lagi dengan adanya perkhidmatan pengawal keselamatan, maka harta benda sekolah itu turut dapat dijaga dengan baik. Misalnya bangunan baru yang dipenuhi dengan komputer itu dapat dijaga dengan baik untuk menggalakkan pihak-pihak tertentu mencerobohi dan mencuri komputer dan benda-benda sekolah tertentu yang bernilai. Penjagaan benda-benda sekolah yang bernilai itu dapat dilakukan dengan baik kerana pondok pengawal keselamatan itu ditempatkan berhampiran dengan bangunan komputer

tersebut, iaitu hanya kira-kira 15 meter dari pondok pengawal keselamatan itu. Tambahan itu perkhidmatan 24 jam yang ditawarkan oleh syarikat pengawal keselamatan swasta itu telah menjamin satu sistem keselamatan yang berkesan di sekolah ini.

Bagi aspek kokurikulum pula, sekolah ini mempunyai pencapaian yang cemerlang dalam bidang sukan. Hal ini kerana ia telah melahirkan beberapa orang ahli sukan yang terkemuka di peringkat negeri dan di peringkat negara. Antara ahli-ahli sukan tersebut adalah Lim Lee Lee dan Nurliza Abu Bakar. Lim Lee Lee seorang ahli sukan Karate-Do yang memenangi banyak pingat bagi skuad negeri dan negara.

Misalnya beliau pernah menjuarai Karate Terbuka Malaysia 1992 dengan memenangi dua pingat emas dan satu pingat perak, Asian Junior 1992 dengan memenangi satu pingat emas dan dua pingat gangsa, SUKMA IV (Johor) 1992 dengan memenangi dua pingat emas dan satu pingat perak, dan baru-baru ini beliau memenangi pingat gangsa dalam sukan Asia di Busan.

Manakala Nurliza Abu Bakar pula, pernah mewakili negeri Pulau Pinang dalam perlawanan Hoki Antarabangsa Darwin, Australia pada tahun 1992, SUKMA IV (Johor) 1992 dan Pesta Hoki Milo dan NST Kebangsaan 1992 Anjuran USM pada tahun 1992. Dalam hal ini pelajar-pelajar ini telah mencipta nama sekolah dalam arena sukan di Pulau Pinang dan seterusnya mengharumkan nama baik sekolah ini.

Tambahan itu, persatuan-persatuan di Sekolah Menengah Jelutong turut membawa nama baik kepadanya. Misalnya pencapaian Persatuan Sains yang memenangi tempat pertama dalam pameran Sains dan Teknologi Pulau Pinang 1992 Bahagian Projek Fizik. Hasil daripada kemenangan itu maka pelajar-pelajar Persatuan Sains itu memenangi hadiah wang tunai sebanyak RM1000. Pada masa yang sama mereka turut memenangi tempat pertama keseluruhan terbaik dengan wang tunai sebanyak RM1000 (berkongsi dengan Projek Biologi dari Sekolah Menengah Hamid Khan).

Satu lagi pencapaian yang dicapai oleh persatuan sekolah ini ialah memenangi tempat ketiga dalam Kempen Memasak Daging Arnab Peringkat Daerah 1992 oleh Persatuan SRT.

Pencapaian sekolah ini juga dapat dilihat dari aspek persekitaran sekolah. Penubuhan kelab kecerian telah membawa perubahan yang besar pada persekitaran sekolah. Tujuan penubuhan kelab ini adalah untuk menjaga kebersihan sekolah dan mewujudkan keindahan sekolah. Oleh itu, kini bunga-bunga ditanam di sekeliling sekolah.

Aktiviti seperti gotong royong antara guru-guru dan pelajar-pelajar banyak dilaksanakan dari semasa ke semasa untuk menjaga kebersihan dan keindahan sekolah. Keindahan sekolah dapat dilihat pada bangunan-bangunan yang dilukis dengan mural-mural yang cantik dan indah. Keadaan ini dapat mewujudkan satu suasana yang indah dan sesuai sebagai tempat untuk mendapat pendidikan dan pengetahuan.

Usaha menjaga alam persekitaran dengan menanam tumbuh-tumbuhan hijauan dan bunga-bunga oleh guru-guru dan pelajar, maka pada tahun ini, iaitu tahun 2002 Sekolah Menengah Jelutong telah memenangi hadiah wang tunai sebanyak RM 1500 sempena Hari Kehijauan Peringkat Negeri. Di sini sekolah ini mendapat naib johan selaku sekolah kedua yang terbersih di Negeri Pulau Pinang. Tempat pertama dimenangi oleh Sekolah Menengah Convent Light Street.

Dari aspek akademik pula, didapati pencapaiannya semakin merosot khususnya dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Pengkaji hanya memberi perhatian dalam aspek pencapaian bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia kerana tajuk kajian pengkaji hanyalah berkaitan dengan masalah kesilapan tatabahasa Melayu dari aspek morfologi. Kemerosotan yang semakin serius itu dapat dilihat seperti Jadual 3.0 dibawah.

Jadual 3.0: Kelulusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia Bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu Bagi Tahun 1995 Hingga Tahun 2001

Tahun	Peratus Pelajar Yang Lulus
1995	76.82
1996	74.24
1997	69.48
1998	78.54
1999	75.34
2000	72.63
2001	68.08

Sumber kerja lapangan : 3 Oktober 2002

Berdasarkan Jadual 3.0 di atas di antara tahun 1995 hingga tahun 2001 didapati keputusan kelulusan Bahasa Melayu yang mempunyai peratusan yang tertinggi adalah pada tahun 1998, iaitu sebanyak 78.54%. Manakala keputusan kelulusan terendah pula adalah pada tahun 2001, iaitu hanya sebanyak 68.08%. Peratusan kelulusan Bahasa Melayu dalam lingkungan 76%-72% bagi tahun-tahun yang lain. Hal ini boleh dikatakan purata peratusan kelulusan subjek ini adalah 73%. Lantaran itu maka pengkaji akan mencari punca yang mengakibatkan hal tersebut berlaku. Kajian tentang punca-punca yang mengakibatkan kelemahan pelajar dalam mata pelajaran ini akan dibincang pada bab yang keempat.

3.5 Kesimpulan

Secara umumnya sekolah ini mempunyai kedudukan yang strategik. Lantaran itu pelajar-pelajar dan guru-guru sekolah ini tidak perlu penat lelah dalam memperoleh perkhidmatan awam yang disediakan oleh kerajaan. Contoh perhidmatan polis, pos dan hospital boleh diperolehi oleh para guru dan pelajar dengan mudah iaitu ia terletak berhampiran dengan sekolah. Selain itu kemudahan bas turut boleh diperolehi oleh pelajar dengan mudahnya.

Sekolah ini turut mempunyai sejarah perkembangan yang unik dan menarik. Keunikan sekolah ini dapat dilihat dari segi ketidakwujudan pengasas. Sejarah awal perkembangan sekolah ini menarik kerana sekolah ini dapat berkembang dengan cepatnya. Misalnya sekolah ini hanya menelan selama 40 tahun dalam memperlengkapkan segala kemudahan yang diperlukan dalam pengajaran.

Tambahan itu sekolah ini turut mempunyai sistem kepimpinan pentadbiran yang baik dan teratur. Hal ini kerana hirarki kepimpinana dan pentadbirannya amatlah jelas dan tidak wujudnya pertindihan kerja yang seterusnya dapat menjimatkan tenaga kerja dan segala kerja dapat berjalan dengan licin dan sempurna. Oleh yang demikian maka segala urusan sekolah dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan.

Dari segi pencapaian sukan yang amat cemerlang dan memberangsangkan. Begitu juga dengan pencapaian persatuan-persatuannya. Tambahan itu, sistem keselamatan yang

diamalkan oleh sekolah ini didapati amat memanfaatkan sekolah ini. Sistem keselamatan yang menggunakan perkhidmatan keselamatan yang berkesan itu bolehlah dijadikan contoh kepada semua sekolah baik sekolah rendah mahupun sekolah menengah yang lain yang terdapat di Malaysia.

Namun apa yang harus dititiberatkan di sini adalah hanya dari aspek akademik. Hal ini kerana terdapatnya ketidakseimbangan yang berlaku antara pencapaian kurikulum dengan pencapaian akademiknya. Pencapaian akademiknya kian merosot dari tahun ke tahun khususnya dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Pencapaian akademik sekolah ini yang kian lemah adalah tidak menghairankan. Hal ini kerana polisi penerimaan pelajar-pelajar baru tidaklah berdasarkan keputusan Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah (UPSR) pelajar mereka. Sekolah ini akan menerima segala pelajar yang ingin menuntut di sekolah ini. Jadi hal ini amat membimbangkan kerana sekiranya ia dibiarkan maka keadaannya akan menjadi lebih serius. Oleh itu langkah-langkah tertentu haruslah diambil oleh pihak sekolah bagi memperbaiki pencapaian tersebut.